



# Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:  
[www.consumer.org.my](http://www.consumer.org.my)

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109  
email: [consumerofpenang@gmail.com](mailto:consumerofpenang@gmail.com)

**Surat Kepada Pengarang**

**4 Jun 2018**

## **Jangan Bazirkan Makanan**

Dalam masa seminggu lagi rakyat Malaysia akan menyambut Hari Raya Puasa. Beberapa bulan kemudian kita akan menyambut Deepavali, kemudian Krismas, Tahun Baharu dan kemudian Tahun Baharu Cina. Atas semangat layanan baik rakyat Malaysia kita memasak makanan, menghidangkannya dan kita sering memasak lebih daripada yang diperlukan. Memandangkan kita tidak mahu rasa malu disebabkan kekurangan makanan dan dianggap 'kedekut' atau 'tidak memberikan layanan'. Hasilnya banyak makanan yang dibazirkan.

Menurut SWCorp, rakyat Malaysia membazirkan 15,000 tan makanan setiap hari. Ketika musim perayaan terdapat 15-20% peningkatan dalam pembaziran makanan. Apabila makanan dibazirkan banyak lagi sumber lain dibazirkan bersamanya seperti air, tenaga, dan buruh. Ia hanya mengambil masa 2 saat untuk membuang sepinggan nasi ke dalam tong sampah. Tetapi ia mengambil 100 hari dan 1,000 liter air untuk menghasilkan 1 kilo beras.

Kebanyakan makanan yang dibazirkan berakhir di tempat pelupusan sampah, di mana ia menghasilkan gas metana, gas rumah hijau yang lebih kuat daripada karbon dioksida. Pengguna juga tidak menyedari bahawa dengan membazirkan makanan mereka juga turut menyumbang kepada peningkatan dalam harga makanan. Makanan dibazirkan kerana kita membeli terlalu banyak yang menyebabkan peningkatan dalam permintaan yang kemudiannya membawa kepada peningkatan harga.

Setiap bulan satu keluarga yang terdiri daripada lima orang di Malaysia membelanjakan purata RM900 untuk makanan. Fakta yang amat mengejutkan ialah suku daripada makanan ini dibazirkan ketika persediaan, memasak dan penggunaan. Dalam perkataan lain, RM225 dibuang ke dalam tong sampah setiap bulan dalam bentuk sisa makanan. Mengambil kira data banci 2010 dianggarkan 6.34 juta isirumah di Malaysia, ini boleh diterjemahkan kepada jumlah yang amat mengejutkan iaitu kira-kira RM1.4 bilion ringgit yang dibuang ke dalam tong sampah setiap bulan dalam bentuk sisa makanan.

Pembaziran makanan merupakan satu dosa dan tiada agama yang membiarkan pembaziran makanan. Seperti kata pepatah lama 'tiada sebutir nasi mesti dibazirkan'. Memandangkan musim perayaan semakin dekat, marilah kita bersama-sama untuk tidak membazirkan makanan. Masaklah dengan kasih sayang dan makanlah dengan penuh kesedaran.

**S. M. Mohamed Idris**  
**Presiden**  
**Persatuan Pengguna Pulau Pinang**